

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
[PERMATANG PAUH]
TARIKH : **06 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha mewujudkan cukai progresif seperti cukai durian runtuh tersasar, cukai warisan, dan cukai keuntungan modal ke atas dividen syarikat tersenarai dan tidak tersenarai di Bursa Malaysia berjumlah RM1 juta dan ke atas, bagi menampung beban perbelanjaan kesihatan awam pasca-COVID.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Kerajaan hanya mengenakan dua jenis cukai, iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung.

Secara amnya cukai langsung terdiri dari cukai pendapatan syarikat dan individu, termasuklah cukai pegangan ke atas pendapatan yang diperolehi dari Malaysia oleh mana-mana bukan pemastautin, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem. Manakala, cukai tidak langsung pula terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi keuntungan luar biasa atau dengan izin *windfall levy*.

Untuk makluman Yang Ahli Berhormat juga, setakat ini, Kerajaan belum melaksanakan kaedah percukaian alternatif, seperti cukai durian runtuh tersasar, cukai warisan, dan cukai keuntungan modal. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa langkah cukai untuk meningkatkan hasil Kerajaan yang telah diumumkan dalam Bajet 2022. Ini termasuklah cadangan menamatkan pengecualian cukai ke atas pendapatan pemastautin yang diremitkan atau dibawa masuk ke dalam Malaysia mulai 1 Januari 2022.

Bagi memberi kemudahan kepada pembayar cukai, Kerajaan akan memberikan konsesi ke atas pendapatan kasar remitan yang dibawa balik ke Malaysia dalam tempoh enam bulan mulai 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022, yang mana akan hanya dikenakan cukai pada kadar 3 peratus. Dengan kata lain, pengenaan cukai minimum ini juga seumpama melaksanakan *voluntary disclosure*, iaitu menggalakkan pembayar cukai membawa balik dana dengan segera dalam tempoh yang diberikan bagi mengambil peluang menikmati cukai pada kadar 3 peratus sahaja.

Selain itu, Kerajaan juga telah mencadangkan pengenaan Cukai Makmur yakni cukai secara *one-off* bagi tahun taksiran 2022 sahaja. Pengenaan cukai ini hanya tertumpu kepada perniagaan yang mendapat

keuntungan di mana pendapatan bercukainya adalah melebihi 100 juta ringgit dan tidak melibatkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Di samping itu, Kerajaan mendapati pengenaan Cukai Makmur ini lebih bersifat adil dan mudah dilaksanakan. Ia membolehkan Kerajaan mengutip hasil tambahan dari syarikat berkeuntungan tinggi dan dana ini akan digunakan untuk mempercepatkan pelaksanaan program pemulihan selain daripada mengukuhkan sistem kesihatan awam bagi menghadapi sebarang cabaran pada masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah mencadangkan kenaikan kadar duti setem dari 0.1 sehingga 0.15 peratus bagi nota kontrak jual-beli saham tersenarai di Bursa Malaysia, berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022. Kenaikan kadar duti setem ini akan diimbangi dengan pengecualian cukai perkhidmatan sebanyak 6 peratus ke atas perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham tersenarai.

Sekian, terima kasih.